



22 Nov 2017

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Ekonomi • Page: 16 • Printed Size: 245.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,887.00
PR value: MYR 14,661.00 • Item ID: MY0031010088

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

back

IJM labur RM500 juta bina menara di TRX

KUALA LUMPUR 21 Nov. - IJM Corporation Bhd. (IJM) mengumumkan bakal melabur sebanyak RM500 juta bagi membina sebuah menara pejabat yang terletak dalam kawasan hab kewangan Tun Razak Exchange (TRX).

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif IJM, Datuk Soam Heng Choon berkata, projek pembangunan berkenaan adalah susulan daripada perjanjian jualan dan pembelian saham yang dimeterai hari ini melibatkan pembelian 100 peratus kepentingan oleh IJM dalam Fairview Valley Sdn. Bhd. (FVSB).

FVSB adalah anak syarikat TRX City Sdn. Bhd. yang sedang membina bangunan komersial 27 tingkat manakala TRX City merupakan pemaju utama bagi projek pembangunan ikonik TRX.

Jelas Heng Choon, menara pejabat berkeluasan 0.48 hektar dengan keluasan lantai kasar 560,000 kaki persegi itu bakal menjadi ibu pejabat baharu Prudential Malaysia yang menempatkan perniagaan pengurusan aset dan insurans nyawa Prudential di bawah satu bumbung.

"Pembangunan projek ini merupakan pencapaian penting

IJM dalam melabur dan membina pelaburan hartanah berkualiti yang sejajar dengan strategi bagi mengembangkan portfolio aset pendapatan berulang syarikat.

"Kami teruja untuk terlibat sama dalam pembangunan mercu tanda berprestij seperti TRX yang mempunyai infrastruktur berkelas dunia dan lokasi terbaik di samping bakal menjadi lokasi perniagaan antarabangsa paling ikonik di Kuala Lumpur kelak," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Syarikat pembinaan di bawah IJM, IJM Construction Sdn. Bhd. akan menerajui pembinaan menara pejabat yang bakal mengetengahkan konsep kontemporari moden dengan mengambil elemen tradisional Malaysia dalam tengkolok diraja, melambangkan sokongan kepada kepelbagaian perniagaan Prudential.

Menara komersial yang berada dalam lokasi strategik iaitu berhadapan dengan laluan utama TRX daripada kawasan Bukit Bintang tersebut telah berjaya mendapatkan kira-kira 84 peratus penyewa dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2018.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif TRX City Sdn. Bhd., Datuk Azmar Talib berkata, pihaknya berbangga dapat bekerjasama dengan IJM sebagai pelabur yang mempunyai reputasi kukuh dalam negara.



SOAM HENG CHOON

